

Dimensi Masalah dalam Pengagihan Zakat

Penulis:

Hafizi Zikry Hasim¹, Muhammad Safwan Harun², Muhammad Iklas Rosele³


E-mel:

pt@pthm.edu.my¹, safone_15@um.edu.my², ikhlas@um.edu.my³

Abstrak: Karya ini mengetengahkan satu perbahasan kritikal dan kontemporari berkaitan pengurusan zakat khususnya isu penggunaan konsep masalah dalam pentakrifan dan pengagihan asnaf zakat di Malaysia. Berteraskan disiplin fiqh dan usul al-fiqh, karya ini menilai aplikasi masalah yang diamalkan oleh institusi zakat melalui kerangka dan parameter syariah yang telah digariskan oleh para fuqaha. Secara sistematik, karya ini dimulakan dengan perbincangan asas mengenai amalan semasa pengagihan zakat di Malaysia, diikuti dengan huraian komprehensif tentang konsep masalah menurut perspektif fiqh, merangkumi definisi, pembahagian serta syarat-syarat penggunaannya dalam proses ijtihad hukum. Teori ini kemudiannya diaplikasikan secara langsung terhadap isu agihan zakat melalui analisis amalan pentakrifan asnaf di Malaysia.

Keunikan utama karya ini terletak pada fokus analitikal terhadap tiga asnaf yang paling banyak melibatkan elemen masalah, iaitu al-ghārimin, al-riqāb dan fī sabilillāh. Melalui kajian kes terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), penulis menilai hujah, dasar, serta skim bantuan yang dilaksanakan oleh kedua-dua institusi ini, sekali gus meneliti implikasi hukum dan tadbir urus yang timbul daripada perluasan takrifan asnaf berasaskan masalah. Karya ini tidak sekadar bersifat deskriptif, bahkan tampil dengan analisis kritikal terhadap implikasi penggunaan masalah, termasuklah pertembungan antara nas dan masalah, risiko penyimpangan objektif pengagihan zakat, pengabaian asnaf yang lebih utama, perluasan skim bantuan yang tidak terkawal, serta potensi penyalahgunaan dana zakat. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa walaupun prinsip masalah mempunyai peranan penting dalam menyesuaikan hukum dengan realiti semasa, penggunaannya tanpa disiplin usul fiqh yang ketat boleh menjejaskan maqā id pensyariatan zakat. Sebagai sebuah karya ilmiah, buku ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada wacana fiqh zakat kontemporari di Malaysia khususnya dalam usaha menyeimbangkan antara tuntutan fleksibiliti hukum dan keperluan pematuhan kepada prinsip syariah yang thabit (tetap). Hal ini bukan sahaja relevan untuk ahli akademik dan penyelidik dalam bidang pengajian Islam, malah boleh menjadi rujukan penting kepada pembuat dasar, pengamal institusi zakat dan pihak berautoriti dalam merangka dasar pengagihan zakat yang lebih berintegriti, telus dan menepati kehendak syarak.

Kata kunci: Zakat, fiqh, hukum, syariah.



Demensi Masalah dalam
PENGAGIHAN

Zakat

*Hafizi Zikry Hasim
Muhammad Safwan Harun
Muhammad Ikhlas Rosele*

Dimensi Masalah dalam
PENGAGIHAN
Zakat

Dimensi Masalah dalam
PENGAGIHAN
Zakat

*Hafizi Zikry Hasim
Muhammad Safwan Harun
Muhammad Ikhlas Rosele*

© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Penulis: Hafizi Zikry Hasim, Muhammad Safwan Harun, Muhammad Ikhlas Rosele

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8698 / 8529
Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pemasaran.uthm@gmail.com
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

Dicetak oleh:

ATTIN PRESS SDN. BHD.
No 8, Jalan Perindustrian PP4,
Taman Perindustrian Putra Permai,
43300 Seri Kembangan, Selangor, Kuala Lumpur, Malaysia
No. Tel : +603-8939 0660
E-mel: attinpress@gmail.com



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-490-286-2

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xv
PRAKATA	xvii
PENDAHULUAN	1
AMALAN SEMASA AGIHAN ZAKAT	7
Pengagihan Zakat di Malaysia	7
Penentuan Asnaf Zakat	9
<i>Maṣlahah</i> dalam Pengagihan Zakat	11
KONSEP MAṢLAHAH DALAM PENTAKRIFAN ASNAF ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF FIQH	15
Pengenalan	15
Definisi <i>Maṣlahah</i>	15
Pembahagian <i>Maṣlahah</i> Menurut Perspektif Fiqh	20
i. <i>Maṣlahah</i> dari Perspektif Pengiktirafan Syarak	20
a. <i>Maṣlahah Mu'tabarah</i>	20
b. <i>Maṣlahah Mulghāh</i>	21
c. <i>Maṣlahah Mursalah</i>	22

ii. <i>Maṣlahah</i> dari Segi Kekuatan Zat	24
a. <i>Maṣlahah Ḍarūrīyyah</i>	24
b. <i>Maṣlahah Ḥājiyyah</i>	25
c. <i>Maṣlahah Ṭahsīniyyah</i>	25
iii. <i>Maṣlahah</i> dari Sudut Kesyumulan	27
a. <i>Maṣlahah ‘Ammāh</i>	27
b. <i>Maṣlahah Khāṣṣah</i>	27
Konsep <i>Maṣlahah</i> dalam Asnaf Zakat	29
Pandangan Fuqaha	30
i. Pandangan yang Menerima	30
ii. Pandangan yang Menolak	31
Hikmah Penentuan Asnaf Zakat	33
i. Fakir dan Miskin	34
ii. Amil	35
iii. Muallaf	35
iv. <i>Al-Ghārimīn</i>	36
v. <i>Al-Riqāb</i>	36
vi. <i>Fī Sabīlillāh</i>	37
vii. <i>Ibn Sabīl</i>	38
Kesimpulan	39
 PENGAGIHAN ZAKAT YANG DIJALANKAN OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA	 41
Pengenalan	41
Latar Belakang Perkembangan Institusi Zakat di Malaysia	41
Latar Belakang Lembaga Zakat Selangor	43
Latar Belakang Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	45
Prinsip Umum Agihan Zakat oleh LZS dan Baitulmal MAIWP	48
i. Lembaga Zakat Selangor	48
ii. Baitulmal Wilayah Persekutuan	50
Pengurusan Pengagihan Zakat di LZS dan Baitulmal MAIWP	50
Kaedah Pembentukan Takrif Asnaf Zakat	51

i. Lembaga Zakat Selangor	52
ii. Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	53
Hujah Penentuan Pentakrifan Asnaf	55
i. Lembaga Zakat Selangor	55
a. <i>Al-Ghārimīn</i>	55
b. <i>Al-Riqāb</i>	56
c. <i>Fī Sabīlillāh</i>	57
ii. Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	57
a. <i>Al-Ghārimīn</i>	58
b. <i>Al-Riqāb</i>	58
c. <i>Fī Sabīlillāh</i>	58
Skim Agihan Zakat	59
Analisis Skim Agihan Zakat	64
i. Lembaga Zakat Selangor	64
ii. Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	67
Kesimpulan	69
 PENGUNAAN <i>MAŞLAĦAH</i> DALAM PENTAKRIFAN ASNAF ZAKAT DAN IMPLIKASINYA DI MALAYSIA	 71
Pengenalan	71
Implikasi Penggunaan <i>Maşlahah</i> dalam Pentakrifan Asnaf Zakat di Malaysia	71
i. Pertembungan antara Nas dan <i>Maşlahah</i>	72
ii. Penyimpangan Objektif Pengagihan Zakat	77
iii. Pengabaian Asnaf yang Lebih Utama	82
iv. Skim Bantuan yang Terlalu Meluas	88
v. Penyalahgunaan dalam Agihan Zakat	92
Kesimpulan	94
 PENUTUP	 97
Kesimpulan	102

GLOSARI	103
BIBILIOGRAFI	105
BIOGRAFI	119
INDEKS	121

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Jenis Bantuan Umum di Lembaga Zakat Selangor	60
Jadual 2.2	Jenis Skim Bantuan di Baitulmal MAIWP	61
Jadual 3.1	Jumlah Pengagihan Zakat kepada Asnaf pada Tahun 2021 dan 2022 di Baitulmal MAIWP dan Lembaga Zakat Selangor	83
Jadual 3.2	Purata Jumlah Pengagihan Zakat di Baitulmal MAIWP	84
Jadual 3.3	Jumlah Kadar Kemiskinan Relatif Mengikut Kumpulan Etnik Isi Rumah, Strata dan Negeri, Malaysia, 2022	85
Jadual 3.4	Bentuk-Bentuk Skim Bantuan kepada Asnaf Al-Riqāb di Lembaga Zakat Selangor	88
Jadual 3.5	Jumlah Pemberian kepada Asnaf <i>Al-Ghārimīn</i> bagi Tujuan Pengurusan Jenazah Tanpa Waris dan Menyelesaikan Hutang Persatuan	90
Jadual 3.6	Antara Bentuk Penyalahgunaan Dana Zakat <i>Fī Sabīlillāh</i>	93

SENARAI RAJAH

Rajah 2.1	Kaedah Pengagihan Zakat yang dijalankan di Baitulmal MAIWP	63
Rajah 3.1	Pembahagian Kategori Asnaf	82

SENARAI SINGKATAN

DYMM	Duli Yang Maha Mulia
Ed.	Editor
<i>Ibid.</i>	<i>Ibidem</i> (pada tempat yang sama)
LGBT	Lesbian, gay, bisexual dan transgender
LZS	Lembaga Zakat Selangor
NGO	<i>Non-Government Organization</i>
MAIS	Majlis Agama Islam Negeri Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
OKU	Orang kelainan upaya
RM	Ringgit Malaysia
r.a	<i>Raḍiyallahu ‘anhu</i>
SAM	Sekolah Agama Menengah
SAW	<i>Ṣallallahu ‘Alaīhi Wasallam</i>
SWT	<i>Subḥanahu Wa Ta’ālā</i>
t.t	Tanpa tahun
t.p	Tanpa penerbit
t.tp.	Tanpa tempat penerbit
YAB	Yang Amat Berhormat
YAD	Yang Amat Dihormati

PANDUAN TRANSLITERASI

1. Konsonan

Huruf Arab	Roman	Huruf Arab	Roman
ا, ء	a, ‘	ض	ḍ
ب	b	ط	ṭ
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sh	ي	y
ص	ṣ	ة	h, t

1. Vokal

	Huruf Arab	Transliterasi
Vokal Pendek	Fathāh (- ˆ)	a
	Kasrah (- ˘)	i
	Ḍammah (- ˙)	u
Vokal Panjang	اَ, ِ, ُ	ā
	ي	ī
	و	ū
Diftong	اَو	aw
	اَي	ay
	اُو	uww
	اَي	iy, ī



P R A K A T A

Hakikatnya, pengagihan zakat kepada golongan yang berhak merupakan kunci utama dalam memastikan objektif pensyarian zakat tercapai. Berdasarkan al-Quran, Allah SWT menyebutkan lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat. Setiap golongan mempunyai tafsiran khusus yang diberikan oleh para fuqaha mazhab. Namun, pada hari ini, pentakrifannya diperluas bagi meraikan *maṣlahah* semasa. Hal ini menyebabkan sebahagian asnaf terkeluar daripada makna asal, sekali gus mengakibatkan penyalahgunaan dana zakat akibat tafsiran yang terlalu meluas. Oleh itu, karya ini menilai konsep *maṣlahah* yang digunakan sebagai penghujahan dalam perluasan takrifan asnaf, khususnya *al-riqāb*, *al-ghārimīn* dan *fī sabīlillāh* oleh Lembaga Zakat Selangor serta Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan; sama ada menepati kaedah yang ditetapkan oleh syarak atau sebaliknya. Perbahasan ini penting bagi memastikan pengagihan zakat menepati sasaran sebenar dan mengelakkan penyalahgunaan dana. Sebagai rumusan, penulis mendapati pentakrifan asnaf *al-ghārimīn* masih berada dalam konsep berhutang sebagaimana digariskan oleh syarak. Walau bagaimanapun, takrifan bagi *al-riqāb* dan *fī sabīlillāh* diperluas dengan mengambil kira *maṣlahah* semasa. Karya ini juga mendapati bahawa perluasan takrifan asnaf tersebut dalam sesetengah keadaan tidak memenuhi prinsip *maṣlahah*

sebagaimana digariskan oleh para fuqaha. Oleh yang demikian, institusi zakat disarankan meneliti semula keperluan pemberian zakat kepada asnaf-asnaf tersebut serta menyemak kembali takrifan yang digunakan agar tidak terdedah kepada penyalahgunaan dana zakat.

SIDANG PENULIS

Hafizi Zikry Hasim

Muhammad Safwan Harun

Muhammad Ikhlas Rosele

P ENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Kewajipan menunaikan zakat dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran dan hadis. Berdasarkan al-Quran, Allah SWT telah menetapkan bahawa terdapat lapan golongan asnaf yang berhak menerima zakat, iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, *al-ghārimīn*, *al-riqāb*, *fī sabīlillāh* dan *ibn sabīl*. Setiap golongan tersebut mempunyai tafsiran serta syarat-syarat khusus yang telah ditetapkan oleh para fuqaha bagi memastikan kelayakan mereka dalam menerima zakat.

Seiring dengan perkembangan semasa, pentakrifan semula asnaf zakat merupakan isu yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana sebahagian tafsiran yang diberikan oleh ulama terdahulu tidak lagi sesuai untuk diaplikasikan pada masa sekarang disebabkan oleh beberapa faktor. Antara faktor utama ialah perubahan zaman dan perbezaan konteks setempat. Maka, *ijtihad* terkini diperlukan bagi memastikan zakat dapat diagihkan dengan lebih berkesan.

Dalam hal ini, perluasan makna asnaf zakat merupakan salah satu hasil *ijtihad* dalam fiqh zakat. Namun, perluasan skop ini mesti berpandukan dalil-dalil syarak agar tidak menyimpang daripada ketetapan syariah. Penggunaan konsep *maṣlahah* dalam asnaf zakat juga harus berlandaskan kepada prinsip sebenar sepertimana yang digariskan oleh syarak bagi mengelakkan sebarang penyalahgunaan dana zakat. Oleh itu, agihan zakat yang berasaskan *maṣlahah* umum perlu diperhalusi dengan teliti supaya dana tersebut dapat disalurkan kepada sasaran yang tepat dan selaras dengan prinsip syariah.

A MALAN SEMASA AGIHAN ZAKAT

Pengagihan Zakat di Malaysia

Pengagihan merupakan salah satu aspek utama dalam sistem zakat yang mendapat perhatian luas daripada para sarjana dan penyelidik, khususnya di Malaysia. Banyak perbincangan telah dilakukan yang merangkumi teori, pelaksanaan dan kesan pengagihan zakat terhadap masyarakat. Bahagian ini menghimpunkan beberapa dapatan yang berkaitan dengan prinsip asas pengagihan zakat, faktor penentu keutamaan agihan, keberkesanannya dalam sektor tertentu seperti pendidikan serta kepercayaan masyarakat terhadap institusi zakat.

Antara rujukan penting dalam topik ini ialah hasil penulisan Humam Daud,⁸ yang meneliti asas bagi proses kutipan dan pengagihan zakat. Beliau menilai prinsip-prinsip ini berdasarkan amalan yang dipraktikkan sewaktu zaman Rasulullah SAW dan para sahabat. Dalam penulisannya, beliau cuba mencari titik persamaan antara sistem zakat terdahulu dengan konteks semasa supaya masih relevan untuk diamalkan.

Sehubungan dengan itu, Muhibudin Abdullah⁹ pula memberikan tumpuan kepada prinsip-prinsip pengagihan zakat berlandaskan perspektif al-Quran, sunnah dan fiqh Islam di Selangor. Fokus utama beliau ialah Lembaga Zakat Selangor (LZS), sebuah institusi yang diiktiraf atas keberkesanannya

⁸ Humam Daud, "Kutipan Zakat dan Agihannya: Suatu Kajian di Awal Islam," (disertasi sarjana Syariah, Universiti Malaya, 2004).

⁹ Muhibudin Abdullah, "Prinsip-Prinsip Agihan Zakat dan Pelaksanaannya di Negeri Selangor", (disertasi sarjana Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia, 2017).

KONSEP *MAŞLAĦAH* DALAM PENTAKRIFAN ASNAF ZAKAT MENURUT PERSPEKTIF Fiqh

Pengenalan

Peredaran zaman telah membawa kepada pelbagai *ijtihad* baharu dalam fiqh zakat, termasuk pentakrifan semula asnaf. Ketika menjalankan proses *ijtihad*, *maşlahah* dijadikan salah satu kayu ukur dalam menentukan hukum-hakam semasa.²³ Penggunaan *maşlahah* dalam menyelesaikan isu-isu fiqh mesti dibincangkan secara teliti dan jelas bagi mengelakkan penyalahgunaan konsep tersebut yang boleh membawa kesan negatif kepada hukum Islam.²⁴ Oleh itu, bab ini akan membincangkan konsep *maşlahah* secara menyeluruh, merangkumi definisi, pembahagian serta *ḍawābiṭ* yang ditetapkan bagi pengaplikasiannya. Seterusnya, bab ini turut meneliti pandangan para fuqaha mengenai penggunaan *maşlahah* dalam pentakrifan asnaf zakat serta hikmah di sebalik penetapannya.

Definisi *Maşlahah*

Perbincangan mengenai definisi sesuatu istilah merupakan asas utama sebelum beralih kepada perbincangan yang lebih mendalam. Dalam membahaskan topik *maşlahah*, definisi dari sudut bahasa dan istilah perlu dijelaskan terlebih dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana

²³ Hj. Nur Asiah, “Maşlahah menurut Konsep Imam al-Ghazālī,” *DIKTUM: Jurnal Syariah dan Hukum* 18, 1 (Julai 2020), 118.

²⁴ Noor Naemah Abdul Rahman et.al, “Relevansi Teori al-Maşlahah menurut al-Syatibi dalam Menangani Isu Perubatan Masa Kini,” *Al-Risalah: Jurnal Ilmu Hukum* 13, 1 (Jun 2013), 114.

PENGAGIHAN ZAKAT YANG DIJALANKAN OLEH INSTITUSI ZAKAT DI MALAYSIA

Pengenalan

Institusi zakat merupakan entiti yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal berkaitan zakat di Malaysia. Secara umumnya, fungsi utama institusi zakat ialah menguruskan kutipan serta pengagihan dana zakat kepada golongan asnaf yang berkecukupan. Pentadbiran yang cekap dan profesional akan memastikan institusi zakat terus relevan serta berfungsi dengan berkesan. Oleh itu, bab ini akan menghuraikan amalan pengagihan zakat yang dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia, khususnya oleh Lembaga Zakat Selangor dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Bab ini juga akan menerangkan konsep pengagihan zakat yang diguna pakai oleh kedua-dua institusi tersebut termasuk aspek pengurusan pengagihan zakat, penentuan asnaf serta skim bantuan zakat yang disediakan. Pada akhir bab ini, satu analisis akan dikemukakan berdasarkan skim agihan zakat yang diamalkan oleh Lembaga Zakat Selangor dan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Latar Belakang Perkembangan Institusi Zakat di Malaysia

Kewujudan institusi zakat secara profesional merupakan transformasi dalam pengurusan zakat di negara ini. Berdasarkan catatan sejarah, institusi zakat bermula sejak zaman Rasulullah SAW dan masjid digunakan sebagai tempat pengumpulan harta zakat sekali gus menjadi baitulmal. Pada zaman Saidina Umar, masjid tidak lagi digunakan kerana dana zakat yang semakin banyak memerlukan tempat lebih besar. Justeru, diwujudkan

PENGUNAAN *MAŞLAĦAH* DALAM PENTAKRIFAN ASNAF ZAKAT DAN IMPLIKASINYA DI MALAYSIA

Pengenalan

Penggunaan *maşlahah* sebagai hujah dalam perluasan takrif asnaf merupakan suatu perkara yang perlu diberi perhatian. Hal ini dikatakan demikian kerana boleh mengakibatkan penyalahgunaan dalam pengagihan zakat sehingga menafikan objektif disebalik pensyariatkan zakat. Walaupun ibadah zakat mempunyai ruang untuk menerapkan konsep *maşlahah* kerana termasuk dalam cabang muamalat, namun penggunaannya mesti berpandukan garis panduan umum yang ditetapkan oleh syarak melalui perbincangan fuqaha, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bab sebelumnya. Aplikasi *maşlahah* secara meluas oleh institusi zakat di Malaysia pada masa ini telah menimbulkan beberapa kesan langsung yang perlu dilihat semua. Justeru, bab ini akan menganalisis kesan penggunaan *maşlahah* dalam perluasan takrif asnaf zakat di negara ini.

Implikasi Penggunaan *Maşlahah* dalam Pentakrifan Asnaf Zakat di Malaysia

Bagi menghadapi permasalahan baharu fiqh zakat khususnya pentakrifan asnaf, penggunaan *maşlahah* sebagai hujah perlu diperhalusi dengan teliti bagi mengelakkan penyalahgunaan dana zakat. Oleh yang demikian, berikut ialah dampak negatif sekiranya *maşlahah* digunakan tanpa garis panduan yang betul:

P ENUTUP

Berdasarkan perbahasan yang telah dijalankan, kesimpulan bagi karya ini dirumuskan berdasarkan tiga objektif utama seperti berikut:

i. Mengetahui konsep *maṣlaḥah* dalam agihan zakat menurut perspektif fiqh

1. *Maṣlaḥah* merujuk kepada usaha menarik manfaat dan menolak kemudaratan. Para ulama sepakat bahawa setiap pensyarian hukum Islam mengandungi *maṣlaḥah*, sama ada di dunia mahupun akhirat. Penilaian terhadap *maṣlaḥah* dapat diukur berdasarkan pengiktirafan syarak, tahap kekuatan, skop cakupan serta kewujudan perubahan dalam pelaksanaannya.
2. Ulama telah meletakkan zakat di bawah konsep muamalat dan adat bukan semata-mata dalam kategori ibadah secara mutlak. Hal ini dikatakan demikian kerana zakat mempunyai hubungan yang signifikan dengan aspek kewangan umat Islam. Oleh yang demikian, terdapat perbezaan pandangan mengenai penggunaan *maṣlaḥah* dalam agihan zakat, iaitu sebahagian fuqaha membenarkannya manakala sebahagian yang lain tidak membenarkannya.
3. Penghentian penurunan wahyu menyebabkan para ulama menggunakan *maṣlaḥah* sebagai salah satu sumber hukum. Para fuqaha bersepakat bahawa *maṣlaḥah mu'tabarah* dan *maṣlaḥah ḍarūriyyah* boleh dijadikan hujah dalam pembinaan hukum Islam termasuk zakat. Mereka juga membenarkan penggunaan

BIBLIOGRAFI

- _____. *Baitulmal Wilayah Persekutuan*, Wilayah Persekutuan: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, t.t.
- _____. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, 2007.
- _____. *Manual Pengurusan Asnaf al-Gharimin*, Kuala Lumpur: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, 2017.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. *Al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Damsyik: Mua’ssasah al-Risālah Nāshirūn, 2015.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. *Uṣūl Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr, 2015.
- ‘Abd al-Wahāb al-Khalāf. *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. t.tp: Maktabah al-Da’wah al-Islāmiyyah, t.t.
- “Bantuan Perkahwinan”, laman web rasmi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, diakses pada 2 Ogos 2023, <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/jenis-skim-bantuanzakat/bantuan-perkahwinan>.
- “Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji”, laman web rasmi Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, diakses pada 22 Februari 2024, <https://www.jawhar.gov.my/en/>.
- “Jenis bantuan – Umum”, laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Selangor, diakses pada 30 Julai 2023, <https://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/>.

- “Kadar Had Kifayah”, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, diakses pada 13 Ogos 2023, <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/kadar-had-kifayah/>.
- “MAIPNOW”, laman sesawang Dashboard Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, diakses pada 12 Januari 2024, <https://maiwpnow.maiwp.gov.my/>.
- “Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan”, laman web rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 22 Februari 2024, <https://www.muftiwp.gov.my/ms/>.
- “Pengenalan Asnaf Zakat,” laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, diakses pada 27 Julai 2023, <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/penerima-kriteriapenerimaan-zakat/#asnafzakat>.
- “Pengesahan Audit Penyata Kutipan dan Agihan Zakat Lembaga Zakat Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2022”. Jabatan Audit Negara.
- “Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.” Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2019, Jabatan Audit Negara Malaysia.
- “Pusat Pungutan Zakat – MAIWP”, laman web rasmi Pusat Pungutan Zakat – MAIWP, diakses pada 22 Februari 2024, <https://www.zakat.com.my/>.
- “Rujukan Ketetapan Agihan Zakat”, laman sesawang Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, diakses pada 30 Januari 2024, http://reports.muip.gov.my/zakatportal/?page_id=2937
- “Sejarah Penubuhan”, laman sesawang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, diakses 21 Oktober 2022, <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/mengenai-kami/sejarah-penubuhan>.
- “Takrif Asnaf”, laman sesawang Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan diakses pada 24 Julai 2023, <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/bz>.

“Tindakan Susulan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen Berhubung Perbelanjaan Menggunakan Agihan Wang Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) (Dr.2/2022).” Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Keempat Belas Tindakan Susulan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen. 5-12.

Abdullah al-Basām. *Tauḍīh al-Aḥkām min Bulūgh al-Marām*. Mekah: Maktabah al-Asadī, 2003.

Abū Dāwūd, Sulaimān bin al-Ash’as bin Ishāk. *Sunan Abī Dāwūd*. ed. Muhammad Muhyiddīn ‘Abd al-Hamīd. Beirūt: Al-Maktabah al-A’ṣariyyah, t.t.

Ahmad bin Abdul Rahim bin Shahid Wajihuddin. *Hujjatullāh al-Bālighah*. ed. Saīd Sābiq. Lubnan: Dār al-Jil, 2005.

Ahmad Hidayat Buang, “Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan (1985-1995): Satu Pemerhatian”, *Jurnal Syariah* 7, 2 (1999), 141-156.

Ahmad Shahir bin Makhtar dan Adibah binti Abdul Wahab, “Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran.” Prosiding seminar, Konvensyen Kebangsaan Perancangan dan Pengurusan Harta dalam Islam 2010, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, Bilik Senat, Bangunan Canselor, UKM, 14 Julai 2010.

Ahmad Shahir bin Makhtar, “Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS).” Kertas kerja, Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 22-24 Mei 2007.

Ahmad Wira, “Studi Pengelolaan Zakat di Malaysia”, *Maqdis: Jurnal Kajian Ekonomi Islam* 4, 1 (2019), 1-12.

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, (Akta 505, Seksyen 4 No.1).

Dimensi Masalah dalam
PENGAGIHAN
Zakat

Karya ini menentanghkan satu pertambahan kritikal dan kontemporari berkaitan pengurusan zakat khususnya isu penggunaan konsep masalah dalam pentakrifan dan pengagihan asnaf zakat di Malaysia. Bertitik tolak disiplin fiqh dan usul al-fiqh, karya ini menilai aplikasi masalah yang diamalkan oleh institusi zakat melalui kerangka dan parameter syariah yang telah digariskan oleh para fuqaha. Secara sistematis, karya ini dimulakan dengan perincian asas mengenai amalan semasa pengagihan zakat di Malaysia, diikuti dengan huraian komprehensif tentang konsep masalah menurut perspektif fiqh, merangkumi definisi, pembahagian serta syarat-syarat penggunaannya dalam proses ijihad hukum. Teori ini kemudiannya diaplikasikan secara langsung terhadap isu agihan zakat melalui analisis amalan pentakrifan asnaf di Malaysia.

Keunikan utama karya ini terletak pada fokus analitis terhadap tiga asnaf yang paling banyak melibatkan elemen masalah, iaitu al-gharimin, al-riqab dan fi sabillillah. Melalui kajian kes terhadap Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Barikatal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAMWI), penulis menilai hujah, dasar, serta skim bantuan yang dilaksanakan oleh kedua-dua institusi ini, sekaligus menilai implikasi hukum dan tadbir urus yang timbul daripada perluasan takrifan asnaf berasaskan masalah. Karya ini tidak sekadar bersifat deskriptif, bahkan sampai dengan analisis kritikal terhadap implikasi penggunaan masalah, termasuklah pertembungan antara nas dan masalah, risiko penyimpangan objektif pengagihan zakat, pengabaian asnaf yang lebih utama, perluasan skim bantuan yang tidak terkawal, serta potensi penyalahgunaan dana zakat. Disipatan kajian ini memperlihatkan bahawa walaupun prinsip masalah mempunyai peranan penting dalam menyesuaikan hukum dengan realiti semasa, penggunaannya tanpa disiplin usul fiqh yang ketat boleh menjejaskan maqasid penyayatan zakat. Sebagai sebuah karya ilmiah, buku ini telah memberikan sumbangan yang signifikan kepada wacana fiqh zakat kontemporari di Malaysia khususnya dalam usaha menyeimbangkan antara tuntutan fleksibiliti hukum dan keperluan pematuhan kepada prinsip syariah yang mabit (tetap). Hal ini bukan sahaja relevan untuk ahli akademik dan penyelidik dalam bidang pengajian Islam, malah boleh menjadi rujukan penting kepada pembuat dasar, pengamal institusi zakat dan pihak beraturap dalam merangka dasar pengagihan zakat yang lebih berintegriti, telus dan menepati kehendak syarak.



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Penerbit

ISBN 978-629-490-286-2



9 786294 902862

**PENERBIT
UTHM**

